

An abstract painting featuring a hand in shades of brown and black, reaching upwards and holding a flag with vibrant colors of red, yellow, and green. The background is a textured mix of these colors.

**Firdaus Zainal**

# KEJATUHAN KUASA

# POLITIK MELAYU

9595  
R

Bagaimana Orang Melayu Hilang Kuasa



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# KEJATUHAN KUASA POLITIK MELAYU

Bagaimana Orang Melayu Hilang Kuasa

**Firdaus Zainal**



PUSTAKA PERDANA



1013620

**ILHAM BOOKS**  
Kuala Lumpur  
2024



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

77-81-28

**KEJATUHAN KUASA POLITIK MELAYU:  
BAGAIMANA ORANG MELAYU HILANG KUASA**

Hak Cipta Terpelihara @ Firdaus Zainal, 2024

Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2024

Cetakan Pertama, 2024

ILHAM BOOKS (002683798-H)

No. 94(G), Jalan Nilai Square 3

Nilai Square, 71800 Nilai

Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: [www.facebook.com/ilhambooks](http://www.facebook.com/ilhambooks)

Email: [admin@ilhambooks.com](mailto:admin@ilhambooks.com)

Website: [www.ilhambooks.com](http://www.ilhambooks.com)

Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

	Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
	Perpustakaan Negara Malaysia
	Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia
	ISBN 978-967-0067-20-9

Ketua Editor: Muhammad Din

Editor: Hanis

Prof. Naim & Khadijah

Atur Huruf: Hanis

Reka Kulit: Ismah & Sa'adah

Jualan & Pemasaran: Harith & Farid

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn Bhd

Industrial Park, 2, Jalan Meranti Permai 1

Batu 15, Taman Meranti Permai, 47100 Puchong, Selangor

320.09595

# KANDUNGAN

<b>PRAKATA PENULIS</b>	vii
<b>PENGENALAN</b>	ix
<b>Bab 1</b> Kelubung Besar Orang Melayu Hilang Kuasa I	15
<b>Bab 2</b> Kelubung Besar Orang Melayu Hilang Kuasa II	31
<b>Bab 3</b> Kuasa Politik Orang Melayu	51
<b>Bab 4</b> Merebut Kuasa Politik dalam Sistem Demokrasi	75
<b>Bab 5</b> Kemerosotan Institusi Politik dan Konflik	101
<b>Bab 6</b> Majoriti Sebagai Sumber Kuasa Bangsa Melayu	133
<b>Bab 7</b> Majoriti Yang Terpecah	163
<b>Bab 8</b> Sejarah Berakhimnya Keagungan Kesultanan Melayu Melaka	195
<b>Bab 9</b> Gema Suara Kebangkitan Melayu: Malayan Union 1946, Kongres Melayu 1957 dan Proklamasi Melayu 2023	215
<b>Bab 10</b> Bangsa Melayu dalam Dilema	237
<b>TENTANG PENGARANG</b>	245
<b>NOTA HUJUNG</b>	247
<b>INDEKS</b>	259





## PRAKATA PENULIS

Tulisan ini terarah kepada kejatuhan kuasa politik Melayu yang dianggap tidak akan berlaku dalam politik orang Melayu kerana beberapa faktor antaranya mereka adalah majoriti di Malaysia, keutuhan Raja-raja Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dalam perlembagaan masih terjamin. Walau bagaimanapun, penulis menyanggah pandangan ini kerana di dalam sistem demokrasi, kuasa politik terarah kepada tiga elemen iaitu parti, parlimen dan kerajaan. Pada masa kini, orang Melayu tidak menguasai ketiga-tiga elemen ini secara *absolute*.

Buku ini membawa pembaca ke satu dimensi baru dengan menilai semula sejarah kejatuhan bangsa Melayu sejak era Kesultanan Melayu Melaka sehingga PRU ke-15 yang menandakan hilangnya hegemoni parti Melayu dalam politik Malaysia. Berdasarkan fakta ini, penulis berpendapat bahawa kuasa politik sebenarnya telah terlucut dari tangan orang Melayu kerana perpecahan serius yang berlaku dikalangan mereka. Orang Melayu kini sedang menuju ke arah keruntuhan kuasa buat selama-lamanya sekiranya nasib mereka tidak diperbaiki dan terus berpecah.

Buku ini juga ditulis atas kesedaran penulis sebagai bangsa Melayu yang mahukan bangsanya kembali mempertautkan kembali ikatan yang telah terlerai dan merapatkan semula saf yang terpecah. Hanya dengan bersatu-padu, orang Melayu dapat kembali menguasai politik seterusnya menjamin kemaslahatan generasi Melayu yang akan datang. Bersatulah kembali demi agama, bangsa dan negara.

**FIRDAUS ZAINAL**

Segamat, 8 Mei 2024



## PENGENALAN

Buku ini menceritakan tentang kejatuhan politik Melayu pasca PRU 15 yang menyaksikan tiada parti Melayu yang mendominasi politik negara. Kejatuhan di sini merujuk kepada perubahan dan peralihan yang berlaku dari kuasa politik Melayu kepada kuasa politik campuran atau berbilang kaum. Setelah parti Melayu berkuasa lebih enam dekad, PRU 15 menandakan bahawa kuasa politik Melayu telah terlucut dari tangan orang Melayu. Hal ini tidak disedari oleh orang Melayu kerana mereka masih dikaburi dengan mentaliti majoriti selain dakyah yang dimainkan pemimpin politik Melayu bahawa kuasa politik mereka tidak akan terhapus kerana kedudukan Raja-raja Melayu masih wujud dan kedudukan istimewa orang Melayu masih terpelihara dan tidak akan berjaya dipinda walaupun mendapat dua pertiga majoriti kerana memerlukan persetujuan Raja-raja Melayu yang mustahil akan berjaya dilakukan. Walau bagaimanapun, buku ini menyanggah mitos bahawa orang Melayu tidak akan kehilangan kuasa politik mereka kerana di dalam sistem demokrasi, kuasa politik bukan terletak kepada prestij dan hak tetapi ia tertakluk kepada bilangan angka dan majoriti.

Bilangan angka merujuk kepada jumlah kerusi parlimen yang dikuasai dan kekuatan majoriti yang diperolehi. Dalam persaingan merebut kuasa politik ini, orang Melayu perlu bersaing dengan kaum lain untuk menguasai parlimen secara majoriti dan seterusnya menjadi sebahagian daripada badan eksekutif. Namun, perpecahan parti-parti politik Melayu telah memburukkan keadaan yang menyukarkan mereka untuk menduduki tampuk kuasa walaupun secara demografi, kaum Melayu membentuk majoriti yang besar untuk menang mudah dalam pilihan raya.



Dalam situasi ini, orang Melayu yang merupakan majoriti sebenarnya menjadi minoriti kerana berpecah. Lebih menyukarkan orang Melayu ialah apabila parti-parti politik dari blok Borneo seperti GPS dan GRS yang membentuk majoriti Melayu-Bumiputera secara demografi dalam perlembagaan tidak bersama-sama parti politik Melayu untuk membentuk majoriti di dalam pilihan raya.

Setelah dominasi UMNO berakhir dalam PRU 15 pandangan orang Melayu terbahagi kepada dua. Orang Melayu dalam UMNO terperangkap dalam mentaliti majoriti yang meyakini bahawa orang Melayu masih mempunyai kuasa politik kerana Presiden UMNO dari parti Melayu masih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri walaupun parti itu kalah teruk dalam pilihan raya sekaligus menafikan kedudukan majoriti di parlimen. Zahid menyifatkan penguasaan UMNO ini sebagai *divine intervention* (campur tangan Tuhan). Ahli-ahli UMNO juga percaya bahawa orang Melayu masih berkuasa kerana kedudukan istimewa orang Melayu masih terpelihara. Walau bagaimanapun, di pihak Perikatan Nasional, ramai di kalangan orang Melayu percaya bahawa orang Melayu telah kehilangan kuasa politik. Ini kerana walaupun prestasi Perikatan Nasional berada di tahap yang membanggakan dalam PRU 15, namun, parti itu tidak berjaya menguasai kerajaan. Beberapa isu berkaitan Melayu-Islam seperti isu kalimah Allah yang tidak memihak kepada orang Islam meyakinkan mereka bahawa orang Melayu tidak mampu berbuat apa-apa kerana telah kehilangan kuasa. Namun, di celah-celah dua pandangan yang berbeza orang Melayu ini, Tun Dr. Mahathir memberikan pandangan yang jauh ke hadapan dengan meramalkan bahawa orang Melayu akan kehilangan kuasa sepenuhnya dalam tempoh sepuluh tahun akan datang (PRU 16 dan PRU 17). Pandangan Tun Dr. Mahathir ini memberikan persoalan bagaimana ianya bakal terjadi.

Buku ini terbahagi kepada 10 bab. Bab satu menjejak semula peringatan nasionalis Melayu seawal tahun 1920-an sehingga

1980-an seperti Syed Syeikh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Alias Mohamed dan Abdul Razak Ayub. Beberapa peringatan mereka tentang nasib orang Melayu yang akan kehilangan kuasa dan perpecahan yang membarah dalam bangsa Melayu dimuatkan bagi memberikan gambaran tentang sifat sebenar orang Melayu dan nasib yang akan menimpa mereka apabila kehilangan kuasa politik. Bab dua pula menjejak kembali penulis Melayu sekitar tahun 1980-an sehingga tahun 2000 seperti Kassim Ahmad, Malik Munip Mohd Nor Nawawi, Ghazali Ismail dan Khalid Salleh tentang kuasa politik Melayu yang semakin terancam dan bakal terlucut dari tangan orang Melayu. Persengketaan dan kelemahan pemimpin Melayu masih menjadi tema dalam bab ini yang akan merungkai bahaya sebenar yang akan dihadapi orang Melayu.

Di dalam bab tiga, perbahasan mengenai kuasa politik Melayu diketengahkan bagi memberikan pembaca kefahaman yang jelas tentang bagaimana kuasa politik Melayu terbentuk dan juga peringatan pengasas negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Ghazali Shafie. Dari ketiga-tiga pandangan ini, dirumuskan bahawa amanat yang ditinggalkan ialah kuasa politik seharusnya kekal berada di tangan orang Melayu. Di dalam bab ini juga konsep kuasa dibahaskan secara terperinci bagi memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang definisi kuasa, peranannya dalam menentukan pemenangnya dan juga tujuan kuasa itu diperolehi. Bagi mengimbangi kuasa politik, kuasa ekonomi juga dibahaskan secara perbandingan bagi menunjukkan perebutan kuasa yang kompleks antara dua kaum yang berkuasa iaitu orang Melayu pada kuasa politik dan orang Cina pada kuasa ekonomi.

Bagaimana perebutan kuasa berlaku di dalam sistem demokrasi dan kuasa politik yang dimanfaatkan dibahaskan di dalam bab empat. Penulis menerangkan bahawa politik adalah merebut sumber yang terhad yang memerlukan persaingan untuk mendapatkan jumlah majoriti. Selain itu, isu yang kontroversi iaitu perdana menteri bukan Melayu juga dijelaskan



secara terperinci bagi menjawab beberapa persoalan yang berlegar dalam masyarakat tentang kebimbangan mereka mengenai perdana menteri dari bukan Melayu. Isu kuasa politik dan kedaulatan agama Islam serta pengagihan kuasa diperincikan dengan melihat kepada isu-isu semasa seperti kalimah Allah dan isu stoking yang tertera kalimah Allah. Bab ini diakhiri dengan perbincangan mengenai pertautan orang Melayu terhadap Raja Melayu dan pembesar Melayu.

Dalam bab lima penulis membawa pembaca ke satu dimensi baru keluar dari kepercayaan biasa yang dimainkan oleh pemimpin politik Melayu bahawa kata-kata Hang Tuah: Takkan Melayu Hilang di Dunia menggambarkan bahawa orang Melayu akan terus berkuasa. Penulis menelusuri kejatuhan sesebuah empayar dan peradaban dan membuktikan bahawa orang Melayu tidak lagi boleh bersandar pada kata-kata ini kerana jatuh bangun politik orang Melayu terletak di tangan mereka dan mereka perlu berusaha untuk meraihnya. Bagi menjelaskan perkara ini, penulis membahaskan kemerosotan institusi politik dan bagaimana keruntuhan kuasa politik itu berlaku. Bagi melihat perkaitan antara ketiga-tiga institusi ekonomi, pendidikan dan politik, pembaca dibawa ke satu dimensi baru yang menjelaskan peranan ketiga-tiga institusi ini yang tidak lagi dikuasai oleh orang Melayu. Penulis menutup bab ini dengan menelusuri sejarah keruntuhan kuasa politik Melayu dengan melihat faktor-faktor yang mendorong kejatuhan empayar agung kesultanan Melayu Melaka.

Bab enam membahaskan tentang satu daripada sumber kekuatan politik Melayu iaitu majoriti. Di dalam bab ini konsep pemerintahan majoriti dijelaskan dengan melihat enam ciri pemerintahan majoriti yang dinyatakan oleh Arend Lijphart. Bab ini juga membahaskan faktor majoriti sebagai kekuatan sebenar politik Melayu, bukan kedudukan Raja-raja Melayu dan kedudukan Istimewa seperti yang lazimnya difahami oleh orang Melayu. Penulis berpendapat bahawa persaingan politik adalah perebutan kuasa menerusi angka dan majoriti. Walaupun

Melayu dan Bumiputera membentuk kekuatan majoriti dari sudut demografi tetapi dari sudut politik kedua-duanya terpecah. Situasi menjadi semakin rumit apabila politik Melayu berpecah kepada beberapa parti lain menjadikan mereka minoriti. Di dalam bab ini juga beberapa aspek lain seperti sifat pemurah orang Melayu, mentaliti majoriti dan kekeliruan antara kuasa, hak dan prestij turut disentuh. Sindrom kebimbangan kaum majoriti kepada kaum minoriti yang dikenali sebagai *whitelash* menjadi penutup bagi bab ini.

Majoriti yang terpecah menjadi tema perbahasan dalam bab tujuh. Penulis menjelaskan bahawa politik adalah satu bentuk permainan untuk merebut pie. Selain itu, sumber kekuatan kedua dan ketiga iaitu organisasi sosial dan sumber juga dimuatkan bagi melihat bagaimana minoriti yang teratur dapat mengalahkan majoriti yang berpecah. Dalam hal ini, penulis menjelaskan bahawa orang Melayu tidak menguasai kedua-dua sumber kekuatan berkenaan. Bagi mendapatkan perspektif yang lebih jelas, penulis merujuk kepada kes sebenar yang berlaku di Singapura. Dari kajian kes ini, perbandingan dilakukan dengan menelusuri semula bagaimana kejatuhan politik Melayu itu berlaku dan akan terus berkekalan. Penulis menutup bab ini dengan memperincikan kebimbangan orang Melayu tentang persempadanan semula dan kekuatan majoriti buatan dan *gerrymandering* yang akan mengalahkan kekuatan majoriti orang Melayu kerana mereka telah berpecah-belah.

Di dalam bab lapan pula, penulis membawa pembaca menelusuri semula sejarah berakhirnya kesultanan Melayu Melaka dengan memperincikan ciri-ciri kejatuhannya dan bagaimana ia berulang semula pada masa kini sebagai faktor kejatuhan kuasa politik Melayu pada masa kini. Penulis berpendapat, dalam setiap kejatuhan politik Melayu, agama Islam akan terancam. Seterusnya pada masa hadapan nasib orang Melayu akan terus kelim kerana tidak menguasai pendidikan, mundur dan tidak menguasai sains dan teknologi yang menjadi asas kemajuan dunia pada masa kini.



Di dalam bab sembilan penulis membawa pembaca melihat dengan lebih dekat tiga peristiwa bersejarah kebangkitan Melayu sebagai reaksi kepada kebimbangan mereka tentang kejatuhan politik Melayu. Peristiwa pertama ialah Malayan Union pada tahun 1946. Ini merupakan detik bersejarah pertama orang Melayu mula bersatu menentang penjajah selepas terlena lebih 500 tahun. Peristiwa kedua ialah Kongres Kebangsaan Melayu 1957 bagi menentang syor-syor Suruhanjaya Reid bagi membentuk perlembagaan. Di dalam kongres ini, ahli UMNO dan pemimpin besar lain seperti Dato' Onn, Dr. Burhanudin Helmy telah menentang Tunku dan kepimpinan UMNO kerana telah menyeleweng dari perjuangan Melayu. Peristiwa ketiga ialah Proklamasi Melayu yang dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir.

Bab sepuluh merupakan penutup kepada buku ini. Penulis merumuskan bahawa pada masa kini, kuasa politik Melayu telah terlucut daripada mereka kerana sikap pemimpin Melayu yang menjadi bencana orang Melayu dan juga sifat orang Melayu yang suka berpecah belah. Situasi ini akan menjadikan masa hadapan orang Melayu semakin kelam dan bakal lenyap dari bumi Melayu buat selama-lamanya.

Perlu ditekankan di sini bahawa buku ini ditulis bagi mengingatkan orang Melayu bahawa perpecahan mereka masa kini telah menjadikan mereka terasing di bumi mereka sendiri. Buku ini tidak bermaksud untuk memainkan sentimen perkauman kerana perkara yang dibahaskan ialah dalam konteks politik Melayu tanpa menyentuh mana-mana isu yang melibatkan sensitiviti perkauman. Akhir kata, diharap agar penulisan buku ini dapat menyedarkan orang Melayu dan menghubungkan semula orang Melayu yang telah berpecah.

Bab 1

# **KELUBUNG BESAR ORANG MELAYU HILANG KUASA I**

Setelah lebih 60 tahun orang Melayu merasakan kuasa politik adalah milik mereka, tarikh 19 November 2022 iaitu hari keputusan PRU 15 diumumkan telah mengejutkan mereka daripada lena yang panjang apabila buat pertama kalinya dalam sejarah parlimen tergantung. Kedudukan ini menyaksikan orang Melayu di bawah Perikatan Nasional disentak dengan kemaraan pengundi bukan Melayu yang bernaung di bawah Pakatan Harapan. Lebih menyedihkan, keputusan ini juga menoktahkan dominasi UMNO yang selama ini menjadi tulang belakang perjuangan politik Melayu. Walaupun sebelum itu, UMNO pernah ditewaskan dalam PRU 14, namun PRU 15 telah mengesahkan bahawa UMNO bukan lagi menjadi wadah perjuangan politik Melayu. Berikutan kekalahan UMNO dan kemaraan pengundi bukan Melayu di bawah DAP-Pakatan Harapan, orang Melayu berada dalam dilema dan tertanyanya apakah kesudahan penguasaan kuasa politik mereka yang selama ini dianggap sebagai sesuatu yang bersifat kekal dan tidak mampu dicabar oleh kaum lain.

Hal ini dirumitkan lagi dengan tindakan Presiden UMNO, Zahid Hamidi yang mengejutkan orang Melayu di bawah UMNO dan membelakangkan parti komponen lain dalam Barisan Nasional untuk bergabung dengan DAP. DAP selama ini menjadi seteru mereka sejak negara mencapai kemerdekaan. Pelbagai alasan diberikan bagi menjustifikasikan sebab penggabungan dilakukan bagi meyakinkan orang Melayu bahawa ia adalah suatu kemestian



bagi memelihara kepentingan mereka. Alasan-alasan ini diberikan bagi mempengaruhi keyakinan orang Melayu untuk bersetuju dengan tindakan yang dilakukan. “Perpaduan” diuar-uarkan seolah-olah inilah masa terbaik untuk semua kaum bersatu-padu dan perpaduan yang ‘dipaksakan’ itu akan mengakhiri ketidaksefahaman setiap kaum di Malaysia sejak merdeka. Ia menggambarkan seolah-olah sebelum ini tidak wujud perpaduan antara kaum dan slogan Bangsa Malaysia, 1 Malaysia, dan Keluarga Malaysia oleh pemimpin negara sebelum ini telah gagal.

Tindakan Presiden UMNO ini telah merunsingkan orang Melayu dan mereka mula tersedar bahawa kuasa politik yang dipegang mereka selama ini bukanlah sesuatu yang bersifat mutlak dan kekal. Realitinya, kuasa politik tidak datang dengan sendirinya atau termaktub bersama kelahiran bangsa Melayu. Orang Melayu perlu bersatu-padu dan berusaha untuk menerajui kuasa politik kerana politik akan menentukan masa hadapan generasi Melayu.

Di pihak pembangkang, Tan Sri Muhyiddin dalam Perhimpunan Bersatu menyatakan bahawa pasca PRU 15, orang Melayu telah kehilangan kuasa. Beliau berpendapat bahawa orang Melayu telah kehilangan kuasa di tanah air sendiri selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15).<sup>1</sup> UMNO tidak melambangkan kekuatan Melayu dalam kerajaan kerana parti itu hanya mempunyai 26 kerusi parlimen dan sekadar menumpang dalam kerajaan yang diterajui oleh Pakatan Harapan. “*Jadi, walaupun kita berasa bangga dengan pencapaian parti kita dalam pilihan raya umum dan pilihan raya negeri yang lalu, namun hakikatnya orang Melayu sudah hilang kuasa.*”

Beliau juga menyelar tindakan kerajaan yang menarik balik isu rayuan kalimah Allah yang disifatkan sebagai menyentuh kesucian agama Islam. Tan Sri Muhyiddin turut mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan kehilangan kuasa selamanya apabila persempadanan semula kawasan pilihan raya dilaksanakan. Kerusi parlimen DAP dijangka akan bertambah daripada 40 kerusi kepada 80 kerusi sekiranya persempadanan

semula ini dilaksanakan. Beliau turut mengingatkan orang Melayu; “*Janganlah sengketa sesama kita menyebabkan bumi yang kita pijak ini menjadi milik orang. Masa tidak menyebelahi kita lagi kerana kuasa pun sudah tiada di tangan kita.*” Peringatan Tan Sri Muhyiddin ini menimbulkan tanda tanya adakah benar orang Melayu telah kehilangan kuasa.

Pandangan yang sama tetapi sedikit berbeza tentang orang Melayu yang kehilangan kuasa disuarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Bagi Tun, orang Melayu belum kehilangan kuasa tetapi ia akan berlaku kurang daripada 10 tahun dari sekarang. Beliau mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan kehilangan kuasa sepenuhnya selepas dua kali pilihan raya umum iaitu PRU 16 dan PRU 17. Peringatan Tun Dr. Mahathir ini diberikan dengan melihat dominasi politik Melayu yang semakin terhakis sejak PRU 15 yang lalu.<sup>2</sup> Tun mengingatkan orang Melayu supaya bersatu-padu dan mengelakkan perpecahan kerana malapetaka yang besar bakal menimpa orang Melayu di masa hadapan sekiranya mereka masih leka.

Dalam satu *Sesi Minda Negarawan: Iktibar 150 tahun Perjanjian Pangkor*, Tun Dr. Mahathir mengingatkan orang Melayu bahawa dalam sejarah, orang Melayu seringkali melakukan kesilapan yang merugikan mereka dan generasi mereka. Kesalahan orang Melayu dalam Perjanjian Pangkor ialah meminta bantuan Inggeris untuk menyelesaikan pertelingkahan antara raja. Semenjak itu, Inggeris mula campur tangan di Tanah Melayu. Tun mengingatkan orang Melayu bahawa nasib orang Melayu kini berada dalam bahaya dan mereka perlu melakukan sesuatu untuk menyelamatkan bangsa Melayu. Perbezaan yang jelas antara orang Melayu di era penentangan Malayan Union 1946 dengan sekarang ialah generasi Melayu pada masa kini takut untuk memperjuangkan hak mereka kerana bimbang disabitkan dengan ‘3R’.

Pandangan Tun Dr. Mahathir disokong oleh Felo Majlis Profesor Negara, Profesor Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong. Beliau berkata dengan perpecahan yang semakin membarah,

tidak mustahil orang Melayu akan kehilangan kuasa dan orang Melayu di Malaysia akan menerima nasib yang sama seperti Singapura. Beliau menyatakan:

Saya bersetuju dengan kenyataan Tun M, walaupun ada kalanya beliau lantang tetapi peringatannya berasas. Tempoh 10 tahun lagi, maknanya dua pilihan raya lagi atau PRU 16 nanti, Melayu sudah tiada kuasa dan hilang negara. Saya tidak melihatnya sebagai mustahil kerana lihat sahaja situasi sekarang. Walaupun parti-parti ini membentuk gabungan iaitu Perikatan Nasional (PN), tetapi yang berteraskan Melayu terlalu banyak. Kesan besar yang boleh kita jangka ialah Malaysia menjadi seperti Singapura. Orang Melayu di negara itu hanya tinggal 15 peratus sahaja dan kita dapat lihat bagaimana penduduk asal kehilangan kuasa di tanah watan mereka sendiri. Ini sesuatu hakiki berlaku di depan mata.<sup>3</sup>

Dua pandangan tokoh politik Melayu dan seorang profesor berbangsa Cina di atas menggambarkan orang Melayu sedang berada di bawah kelubung besar yang kehilangan kuasa politik mereka. Namun, peringatan tentang orang Melayu akan kehilangan kuasa bukanlah kali pertama disuarakan oleh pemimpin Melayu. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak pernah mengingatkan orang Melayu bahawa nasib mereka akan menjadi 'bangsat' sekiranya UMNO hilang kuasa. Najib mengingatkan; *"Saya pilih perkataan orang Melayu akan terbangsat kalau UMNO hilang kuasa. Terbangsat...tidak ada perkataan yang boleh menggambarkan untung nasib yang cukup tertekan, hilang segala-galanya, hilang kuasa, hilang maruah dan hilang masa depan."*<sup>4</sup> Melihat kepada realiti yang berlaku pada hari ini yang menyaksikan UMNO kehilangan kuasa dan keberanian segelintir kaum bukan Melayu dalam menyentuh beberapa isu berkaitan Melayu dan Islam, orang Melayu dalam UMNO percaya bahawa perkara yang telah diperingatkan Najib dahulu ada benarnya. Secara realiti, orang Melayu kini tersepit di balik perpecahan mereka.

## **Peringatan Syed Syeikh al-Hadi Jangan Mempercayai Orang Asing**

Menelusuri sejarah, kebimbangan orang Melayu tentang nasib bangsa Melayu yang akan kehilangan kuasa politik telah berlangsung lama sejak negara Malaysia belum terbentuk lagi. Seawal tahun 1930-an, Syed Syeikh al-Hadi telah mengingatkan orang Melayu tentang kedudukan sebenar mereka yang tertipu dari tiga golongan iaitu British, pendatang asing dan pembesar Melayu sendiri.<sup>5</sup> Beliau mengingatkan bahawa orang Melayu agar tidak berbaik sangka dengan British:

Janganlah tuan-tuan tertipu daya dengan melihat tanda-tanda yang menunjukkan alamat kekayaan kemakmuran di dalam negeri-negeri tuan-tuan sebab kejadian yang demikian itu hanyalah semata-mata kerana keelokan pemerintah kerajaan inggeris yang menarik akan wang bangsa Eropah... maka digunakan oleh mereka sekalian bangsa-bangsa yang lain daripada bangsa tuan-tuan pada membeli pelana menaruh ke atas belakang-belakang bangsa dan saudara tuan-tuan dibawa oleh mereka itu bekerja membajak, menenggala, mencangkul, mengorek, menggali akan tanah dan bumi hak punya tuan-tuan. Maka apakala lemahlah tuan-tuan sekalian daripada mengerjakan kehendak-kehendak mereka itu ditolongnya akan tuan-tuan kemudian daripada dimilikinya tanah, bumi, kebun dan kampung halaman tuan-tuan dengan keredhaan tuan-tuan dengan harga yang sangat murah.

Begitu juga dengan Syed Syeikh al-Hadi mengingatkan orang Melayu agar tidak terpedaya dengan orang asing:

Janganlah tertipu daya kamu dengan pandangan kemakmuran negeri-negeri kamu dengan bermacam-macam bangunan dan tanam-tanaman yang berhasil kerana sekaliannya itu telah dipunyai oleh bangsa yang lain daripada bangsa kamu maka tiada bagi kamu itu melainkan bagi keadaan sekalian dagang yang baharu datang yang akan terpaksa sedikit hari lagi kamu membeli air yang kamu hendak minum daripada mereka itu dan membayar sewa jalan yang kamu jalani itu.

Syed Syeikh al-Hadi turut mengingatkan orang Melayu bahawa pembesar mereka adalah 'asal segala bala' kepada orang Melayu dan penolong kepada bangsa asing:

Janganlah tertipu daya kamu dengan angkatan dan pangkat kebesaran gelaran pembesar-pembesar kamu kerana mereka itulah asal segala bala yang menimpa ke atas kamu itu dan mereka itulah sehingga masa ini sebesar-besar penolong segala bangsa-bangsa yang telah menindih dan hendak menindih akan kamu.

Syed Syeikh al-Hadi banyak menulis tentang perihal orang Melayu. Beliau berpendapat bahawa kelalaian orang Melayu berpunca daripada tiga perkara pokok iaitu kejahilan yang berleluasa dalam kalangan mereka, kegagalan orang Melayu hidup berlandaskan agama Islam yang suci angkara amalan bidaah dan karut serta kegiatan songsang para "penjaja agama", dan kepimpinan yang lemah dan tidak bertanggungjawab.<sup>6</sup>

Peringatan yang disampaikan Syeikh al-Hadi banyak berkait dengan keadaan orang Melayu pada masa kini. Jika diperhatikan dari peringatan beliau di atas, segala kebimbangan Syeikh al-Hadi itu sedang berlaku pada generasi sekarang. Orang Melayu terpedaya dengan kemakmuran yang mereka kecapai sehingga menjadikan mereka leka. Orang Melayu juga menaruh kepercayaan yang tinggi kepada bangsa asing sehingga mereka lupa bahawa segala yang ada di sekeliling mereka bukan lagi menjadi kepunyaan mereka.

Begitu juga dalam hal pembesar Melayu yang dianggap sebagai punca utama orang Melayu ditindih bangsa lain. Peringatan Syeikh al-Hadi ini disampaikan dalam tulisannya sekitar tahun 1920-an hingga 1930-an iaitu sebelum orang Melayu mengenal erti kemerdekaan. Namun, sejarah mencatatkan orang Melayu berada pada posisi yang pernah dibimbangi oleh Syeikh al-Hadi. Terdapat banyak kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin Melayu dahulu dan sekarang sehingga mengakibatkan kuasa politik orang Melayu mula terhakis sedikit demi sedikit.

## Perpecahan Melayu Yang Membinasakan

Selain Syed Syeikh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai juga antara yang terawal menulis tentang nasib bangsa Melayu dan menyeru agar orang Melayu bersatu-padu bagi menghadapi cabaran yang luas di hadapan mereka. Seorang wartawan yang berjiwa Melayu, Kajai menegur sifat orang Melayu yang dianggap mundur dan bakal 'membinasakan' mereka seperti sifat tidak bermuafakat dan berpecah belah. Kajai banyak menulis tentang orang Melayu di dalam beberapa ruang akhbar dan majalah seperti Akhbar Saudara, Majlis, Warta Malaya dan Utusan Melayu. Semangat kecintaan Kajai terhadap bangsa Melayu dizahirkan di dalam *Editorial*, Perhimpunan Besar Kongres Melayu bertarikh 25 April 1931:

...bahawa kaum bangsa Melayu ini sehabis-habis mulia kejadian sesuatu kaum bangsa yang pernah dijadikan oleh Tuhan di atas muka bumi ini pada memiliki sifat-sifat kepujian itu yang dikehendaki kepada kejadian manusia iaitu ikhlas, segera menerima pengajaran yang benar dan kebajikan, memadai apa-apa yang tersampai kepada upaya usahanya, taat dan setia kepada raja-rajanya dan kepada pemerintahnya, tahan menanggung susah payah, kuat kepercayaan kepada ketua-ketuanya, berani, murah hati dan terbuka dua tangannya kepada perkara-perkara kebajikan.<sup>7</sup>

Kajai menulis ketika era kebanjiran kaum imigran Cina dan India di Tanah Melayu tidak terkawal oleh British. Pada waktu itu belum ada pertubuhan Melayu atau parti-parti politik Melayu yang boleh mewakili suara orang Melayu. Kajai berpandangan bahawa orang-orang Melayu perlu mengelakkan perpecahan antara kaum Melayu di Tanah Melayu dengan Melayu dagang di Indonesia. Kajai melihat orang Melayu dagang Indonesia lebih dipercayai daripada bangsa Malayan yang berketurunan Cina peranakan. Kajai menekankan perlunya orang Melayu bersatu dan mengikis prasangka sesama mereka. Beliau menggalakkan kemasukan orang Melayu Indonesia kerana melalui permuafakatan orang Melayu ini mereka dapat



menyekat kemajuan bangsa asing yang menguasai ekonomi di Tanah Melayu.

Kemajuan bangsa Melayu bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh raja, pembesar Melayu, hartawan dan orang biasa. Kajai menegaskan perlunya raja-raja dan wakil-wakil Melayu melindungi hak orang Melayu. Pemimpin-pemimpin Melayu disaran supaya menjaga kepentingan bangsa Melayu dan menyelamatkan orang Melayu dari gangguan bangsa asing.<sup>8</sup> Kajai melihat nasib bangsa Melayu akan kehilangan segalanya dari rumah, perniagaan, kampung halaman dan hak-hak orang Melayu di bandar akan bertukar milik kepada orang asing sekiranya ia tidak ditangani oleh pemimpin Melayu.

Kajai juga menyeru agar anak muda Melayu bangkit dan berusaha untuk memperbetulkan tuduhan dan penghinaan orang Melayu seperti culas, malas, lalai, selalu melawan ketua, suka bercuti, banyak bermain, suka bergaduh, dan lebih berbahaya sekali ialah kurang amanah dan gelap mata terhadap wang. Teguran Kajai ini ditulis di dalam Majlis bertarikh 11 April 1932. Perhatikan apa yang diperkatakan Kajai itu sebenarnya tidak banyak berubah dengan keadaan orang Melayu pada masa kini. Malah sifat orang Melayu yang paling ditakuti Kajai terhadap orang Melayu iaitu gelap mata terhadap wang itu juga yang menghancurkan politik orang Melayu. Sebagai contoh amalan politik wang dan rasuah yang berleluasa di kalangan ahli politik Melayu dan kakitangan kerajaan. Kejatuhan UMNO pada PRU 14 misalnya disumbang oleh faktor 1MDB yang berlegar pada isu rasuah dan kleptokrat. Ringkasnya orang Melayu telah melintasi garisan merah yang telah diperingatkan Kajai kira-kira 86 tahun dahulu.

Dalam politik Melayu, Kajai berpandangan bahawa cita-cita politik orang Melayu tidak akan tercapai sekiranya orang Melayu tidak memperjuangkan politik Melayu melalui pergerakan kesatuan.<sup>9</sup> Kajai melihat kesatuan adalah sebagai satu batang tubuh manakala sikap kerjasama adalah jiwanya. Kajai menyeru orang Melayu supaya memperbaiki gerakan yang dipimpin oleh

orang Melayu sendiri bagi mengelakkan mereka jatuh secara beransur-ansur. Orang Melayu perlu menghapuskan segala faktor yang menyebabkan mereka berpecah dan menghilangkan semangat 'kesatuan' dan maruah kebangsaan. Kajai mencadangkan agar diadakan kongres di kalangan orang Melayu dari seluruh Tanah Melayu kerana pada pengamatannya orang Melayu pada ketika itu masih lemah dalam pergerakan persatuan jika dibandingkan dengan bangsa asing. Beliau melihat dua sisi gelap orang Melayu dalam hal ini iaitu sifat orang Melayu yang tidak muafakat dan tidak mempedulikan kepentingan bangsa Melayu dalam pergerakan mereka. Hal ini juga jelas dilihat berlaku pada masa kini apabila kuasa direbut menerusi permainan politik di kalangan ahli politik bagi mendapatkan jawatan dan kedudukan, bukan demi kepentingan bangsa Melayu secara khusus sehingga ke satu tahap, memperjuangkan hak dan kedudukan istimewa orang Melayu dianggap kolot, bersifat perkauman dan cauvinis.

Satu perkara lain yang menarik yang diutarakan Kajai ialah beliau melihat jiwa orang Melayu pada ketika itu 'seolah-olah terikat dengan Raja-raja Melayu dan Kerajaan Inggeris' sehinggakan mereka tidak 'bermimpi' untuk menubuhkan 'Congress' atau Persekutuan yang menyatukan orang Melayu.<sup>10</sup> Cita-cita Kajai untuk menyatukan orang Melayu di dalam satu kongres tercapai apabila Kongres Melayu se-Malaya diadakan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos 1939. Kajai bukan sahaja vokal terhadap bangsa asing tetapi beliau juga menegur dengan keras bangsa Melayu sendiri. Misalnya, Kajai tidak bersetuju dengan sikap orang Melayu yang mudah menyerah kepada nasib.

Sikap Kajai terhadap bangsa asing terlalu keras terutama bangsa Cina dan India. Beliau melihat kedatangan orang asing ke Tanah Melayu untuk membolot kekayaan di sini dan menyekat kemajuan pentadbiran dan ekonomi orang Melayu. Kajai berpandangan bahawa bangsa asing ini bernegerikan Tanah Melayu tetapi berhatikan negeri masing-masing.<sup>11</sup> Beliau juga berpendapat bahawa kaum asing tidak seharusnya diberikan hak sama rata dengan kaum Melayu dan segala permintaan

mereka seharusnya disekat. Kajai juga tidak bersetuju dengan gelaran yang diberikan kepada kaum Cina dan Indian sebagai bangsa Malayan kerana ia dianggap sebagai 'topeng' untuk menuntut kesamarataan hak dengan kaum Melayu.

Tetapi bangsa Malayan di sini telah mencuba akan meruntuhkan adat resam yang berjalan di muka bumi ini dengan menyarungkan satu topeng yang dinamakan 'Malayan'. Mereka berkuat mengaku lidah mereka itu bahawa mereka bernegerikan Tanah Melayu ini. Tidak siapa yang tahu di Semenanjung apakah yang dimaksudkan oleh mereka itu dengan pengakuan mereka? tidak mereka mengaku begitu melainkan kerana berkehendakkan persamaan hak dengan anak negeri...<sup>12</sup>

Kajai juga menolak dengan tegas perasaan egoistik orang-orang Cina yang memperakui bahawa mereka berhak dan berjasa kepada orang Melayu. Pengakuan orang Cina ini adalah *mereka dijemput datang, mereka telah mengorbankan jiwa dan tenaga kerana kemaslahatan negeri ini, mereka telah mengaku negeri ini negeri mereka dan telah bercucu bercicit di sini, mereka telah meramaikan negeri ini, mereka telah mendatangkan keuntungan dan hasil yang besar kepada negeri dan jika tidak kerana mereka, maka negeri ini tidak sampai kepada keadaan yang hari ini.*

Kecemburuan Kajai itu memuncak apabila beliau meramalkan bahawa bangsa-bangsa asing ini akan menjadi musuh hidup orang-orang Melayu:

Kita tidak akan berdosa apabila kita kata bahawa orang-orang Melayu itu tidak diharap boleh bergaul kepada bangsa Malayan, tak boleh sekata dan seturut, tak boleh bekerjasama bahkan bukan sekadar demikian itu sahaja tetapi barangkali akan tiba masanya orang Melayu itu tak boleh percaya kepada bangsa-bangsa asing. Bukan sekadar tak boleh percaya sahaja akan tetapi ialah...bahawa bangsa-bangsa asing itu kelak akan menjadi musuh hidup orang Melayu bagi suatu masa yang panjang jika tidak diubat dari hari ini.<sup>13</sup>

Kajai turut mengingatkan bangsa Melayu bahawa bangsa asing berdiam diri bukan kerana mereka telah berputus asa tetapi mereka sedang memperbetulkan langkah. Rumusannya, Kajai menegur sifat orang Melayu yang tidak bersatu dalam memperjuangkan nasib bangsa mereka. Selain itu, Kajai juga melihat wujudnya lompong-lompong kebimbangan orang Melayu yang perlu dirangani segera terutama apabila berhadapan dengan bangsa asing yang lebih maju daripada mereka.

### **Kesilapan Sesaat Pemimpin Melayu**

Seterusnya, sarjana Melayu, Alias Mohamed dalam buku *Wasiat Nasionalisme Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1982 menelusuri sejarah politik orang Melayu bermula daripada era kolonialisme British. Menurut beliau, tahun 1946 merupakan tahap genting dalam sejarah orang Melayu kerana buat pertama kalinya, orang Melayu berdepan dengan cabaran yang besar yang bakal meranapkan kuasa politik mereka iaitu Malayan Union. Terdapat dua implikasi dari pendirian British terhadap penubuhan Malayan Union iaitu pertama, British tidak mahu mengiktiraf hak dan keistimewaan orang Melayu di tanah air mereka. Implikasi kedua ialah British dengan sengaja tidak mahu mengiktiraf gerakan-gerakan politik Melayu yang wujud sejak tahun 1920-an bertujuan untuk tidak mengiktiraf kerajaan Melayu.

Bagi tujuan ini, British dengan sengaja memaksakan pendekatan *inter racial* dalam proses pembentukan negara. Alias Mohamad melihat ia bukan sahaja satu bentuk kecenderungan British untuk melahirkan negara berbilang bangsa atau bukan negara Melayu tetapi ia juga terhasil kerana kesilapan pemimpin Melayu seperti golongan kiri dan pemimpin awal UMNO. Beliau menyimpulkan bahawa asas pemerintahan dan penyertaan kaum-kaum yang dibina oleh British pada peringkat ini adalah menyeleweng. Seterusnya orang Melayu terus dihimpit dengan tekanan dan cabaran sekitar tahun 1946 yang terus berlangsung



sehingga kesilapan sesaat pemimpin Melayu dalam mempersetujui pemberian kewarganegaraan kepada bangsa asing pada tahun 1948 dan pembentukan perlembagaan tahun 1957.

Orang Melayu tidak mungkin lagi sanggup menghulur walau seinci dari tapak politiknya jika pemberian ini harus pula bermakna ia melakukan satu 'gadaian' atau 'pajakan', sesudah mengalami kepedihan dan kepahitan dari kesalahan-kesalahan dan kecuaiian perlembagaan tahun 1948 dan 1957. Pemberian kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu dalam tahun 1948, misalnya telah menyebabkan orang Melayu menghadapi tekanan politik, budaya dan ekonomi sepuluh tahun kemudian, iaitu sesudah merdeka. Kemudian dua puluh tahun sesudah merdeka, pada hari ini, orang Melayu terpaksa mempertahankan diri bermati-matian dengan segala kesulitan-kesulitan yang amat pahit dan seksa untuk mengesahkan (*justify*) bahawa Dasar Ekonomi Baru itu adalah suatu usaha yang *legitimate*, yang sah dan legal dari kacamata politik dan "humanity" dalam usaha memperbaiki nasib mereka di tanah air mereka sendiri. Kesalahan sesaat yang berlaku dalam tahun 1948 kini terpaksa ditanggung oleh orang Melayu keturunan demi keturunan.<sup>14</sup>

## **DAP Sebagai Ancaman Kepada Orang Melayu**

Alias Mohamed berpandangan bahawa majoriti orang Melayu berada dalam tekanan dan berada di pihak yang 'kalah' dalam mempertahankan hak mereka kesan daripada kesilapan yang dilakukan pemimpin Melayu dahulu ketika membentuk perlembagaan. Kesilapan pemimpin Melayu itu telah menjadikan orang Melayu berada dalam kelubung yang besar kehilangan kuasa. Pandangan Alias Mohamad terhadap DAP sama seperti Kassim Ahmad yang melihat DAP adalah ancaman kepada orang Melayu. Beliau menyatakan:

Sejak Parti DAP bertapak di Malaysia sesudah Parti "god father" nya, iaitu PAP di Singapura, berundur dari Tambak Johor, fakta-fakta mengenai kemunduran orang Melayu telah

dipejamkan mata oleh DAP yang melaungkan perjuangan 'sama rata' itu. Dalam perjuangannya DAP cuba mewarisi sorak-sorai yang pernah diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew dengan slogan "Malaysian Malaysia", tetapi dalam lima belas tahun perjuangannya slogannya lebih condong kepada apa yang seorang sarjana pernah gelarkan sebagai 'Cinaya' atau apa yang kita sekarang kenal sebagai "Chinese Malaysia"...Tetapi 'taraf sama-rata' apakah yang diperjuangkan oleh DAP apabila parti itu memekakkan telinga terhadap sedu-sedan tangis orang Melayu sejak tahun 1838 itu?<sup>15</sup>

Dua perkara yang signifikan yang perlu diperhatikan daripada perbincangan Alias Mohamed iaitu kelemahan pemimpin Melayu yang terlalu bertolak-ansur dengan melepaskan hak orang Melayu kepada bukan Melayu yang telah menjadikan orang Melayu sengsara sehingga ke hari ini dan ancaman DAP terhadap orang Melayu menerusi konsep sama rata dalam *Malaysian Malaysia*. Melihat kepada realiti politik semasa pasca PRU 15, kesilapan pemimpin Melayu itu seperti sedang diulangi semula dengan menggunakan alasan baru iaitu 'perpaduan' berbanding objektif 'kemerdekaan' ketika tahun 1957. DAP pula tanpa mengubah apa-apa pendirian parti tentang *Malaysian Malaysia* yang menekankan konsep sama-rata kini tidak lagi dilihat sebagai ancaman oleh orang Melayu dalam UMNO tetapi rakan karib dalam kerajaan yang sama.

## **Bermulanya Keretakan Bangsa Melayu**

Abdul Razak Ayub dalam buku berjudul "Perpecahan Bangsa Melayu" yang diterbitkan pada tahun 1985. Beliau melihat perpecahan bangsa Melayu berpunca daripada banyak faktor antaranya penjajahan yang berjaya menerapkan sekularisme dalam pentadbiran Melayu di Tanah Melayu. Sekularisme itu memisahkan orang Melayu yang berpegang kepada ajaran Islam dalam kehidupan mereka menjadi terpisah antara politik dan agama. Penjajahan telah menerapkan nasionalisme yang berpaksikan kepada ciri perkauman sempit dan menolak Islam



yang merupakan *way of life* yang memberikan kemaslahatan sejagat yang tidak diukur dari perkara lain selain keimanan kepada Allah.

Di awal pembentukan negara, penjajah menyerahkan watak kemerdekaan kepada golongan pemimpin-pemimpin Melayu yang dilatih British dan menerima ideologi yang diterapkan penjajah kepada mereka menjadikan senario politik di Malaysia bertambah kompleks. Ini kerana golongan ini telah mencorak Malaysia ke arah sebuah pembentukan negara bangsa yang terpisah daripada Islam dan berkiblatkan barat. Kesannya, berlaku penentangan daripada golongan agama yang telah berakar umbi di Tanah Melayu sebelum penjajahan sehingga terbentuknya dua kumpulan yang saling berbeza ideologi iaitu nasionalisme Melayu dan golongan Islam. Nasionalis Melayu berpegang kepada fahaman, ideologi dan aqidah nasionalisme yang sempit dan menyamakan Melayu dan Islam.

Pembentukan negara bangsa Malaysia telah berlangsung lama namun sehingga kini masih belum berjaya. Di awal pembentukan Persekutuan Malaya pada tahun 1948, nama Malaya telah dipilih sebagai identiti negara. Namun selepas itu ia digantikan dengan nama Malaysia. Proses pembentukan negara bangsa ini telah menyaksikan pertembungan dua kumpulan yang satu pihak mahukan negara ini dibentuk dengan ras Melayu manakala satu pihak lagi mahukan ia dibentuk berdasarkan Islam yang bersifat sejagat. Menurut Abdul Razak Ayub, di sinilah bermulanya keretakan dalam bangsa Melayu.<sup>16</sup>

Beliau juga memberikan pandangan yang berbeza dari kelaziman orang Melayu yang percaya bahawa tindakan British tidak mencampuri urusan agama dan adat resam di tanah Melayu adalah sebagai satu penghormatan kepada Raja-raja Melayu. Sebaliknya, beliau berpandangan bahawa tindakan penjajah tidak mencampuri urusan agama dan adat resam adalah kerana untuk memisahkan orang Melayu dengan agama mereka. Urusan agama diserahkan kepada raja sebagai ketua agama Islam. Namun, situasi ini berbeza dengan pemerintahan di

Acheh yang mempunyai kuasa yang lebih luas dari pemerintahan lain di Kepulauan Melayu. Pemerintah Acheh tidak menjadi ketua agama Islam kerana urusan agama dijalankan oleh Sheikhu Islam dan pemerintah berada di bawah kekuasaannya.

Abdul Razak Ayub memberi gambaran bahawa tindakan pengasingan kuasa oleh British ini adalah satu muslihat untuk memisahkan orang Melayu dengan agama Islam dan menguatkan sekularisme yang diperkuatkan oleh raja dan pembesar Melayu yang tertarik dengan ideologi yang dibawa oleh British ini. Beliau mengkritik terdapat anak-anak Raja yang ketandusan akhlak dan memakai Islam untuk kepentingan mereka sahaja. Pemisahan agama Islam dengan masyarakat Melayu terus diperkuatkan lagi dan kekal termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

Selain itu, faktor perpecahan di kalangan golongan raja dan bangsawan, sifat berpuak-puak dan tamakkan harta oleh orang Melayu telah membuka ruang kepada penjajah dan orang asing untuk masuk campur dalam urusan pentadbiran orang Melayu yang akhirnya merugikan orang Melayu. Campur tangan penjajah dan orang asing ini telah merugikan orang Melayu kerana bukan sahaja urusan politik mereka dicampuri tetapi juga mereka tertinggal dari segi ekonomi dan pendidikan. Kesan daripada sistem pendidikan baru yang berteraskan barat telah melahirkan dua kumpulan orang Melayu iaitu satu kumpulan yang terpesona dengan ideologi dan falsafah barat dan satu lagi kumpulan yang dipimpin oleh golongan ulama'. Ia seterusnya melahirkan beberapa kumpulan politik untuk menentang British seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), UMNO dan Hizbul Muslimin. Walaupun di awal penubuhan parti-parti ini, matlamat mereka sama iaitu untuk menentang British, namun setelah itu perpecahan berlaku sehingga menyebabkan terbentuknya pelbagai parti-parti serpihan antaranya PAS yang menolak pendekatan UMNO yang tidak meletakkan Islam sebagai matlamat mereka.

Berikutan itu, PAS ditubuhkan dan menjadi pesaing UMNO untuk merebut sokongan orang Melayu. UMNO diwakili oleh kerabat diraja, golongan bangsawan dan ahli-ahli perniagaan Melayu manakala PAS dipimpin oleh kumpulan ulama dan guru-guru agama. Kedua-dua kumpulan PAS dan UMNO mempunyai ideologi berbeza dan sering berbeza dalam urusan agama dan isu-isu yang berkaitan dengan orang Melayu. Bermula dari sinilah, bangsa Melayu terpecah menjadi dua golongan iaitu UMNO dan PAS.

Setelah lebih 60 tahun merdeka dan UMNO menjadi 'penjaga' orang Melayu, pada tahun 2018, UMNO tewas buat pertama kali kepada Pakatan Harapan. Ketika itu PAS berada di luar kerajaan dengan sokongan orang Melayu telah beralih kepada mereka. Kemaraan PAS terus memuncak dalam PRU 15 apabila PAS membentuk gabungan dengan Bersatu dalam Perikatan Nasional (PN). PRU 15 menandakan sokongan orang Melayu telah beralih kepada PAS sebagai 'penjaga' orang Melayu menggantikan UMNO. Dari satu sudut lain, perpecahan UMNO-PAS yang ditulis oleh Abdul Razak Ayub 38 tahun dahulu diburukkan lagi dengan penglibatan politik Melayu dalam parti lain seperti Amanah, Bersatu, PKR, MUDA dan DAP menjadikan perpecahan bangsa Melayu semakin serius.

Bab 2

## KELUBUNG BESAR ORANG MELAYU HILANG KUASA II

### Perpecahan Sebagai Bencana

Peringatan kepada orang Melayu tentang kuasa yang bakal mereka hilang terus diperingatkan penulis-penulis berikutnya. Memasuki era 1980-an, Kassim Ahmad membahaskan dengan panjang lebar tentang nasib dan masa hadapan orang Melayu dalam buku *Quo Vadis, Bangsaaku?* (1989). Beliau memperingatkan orang Melayu dengan anasir-anasir luar yang sedang mencengkam orang Melayu menjadikan mereka berpecah-belah dan lemah. Kassim Ahmad melihat orang Melayu sedang berada diambang perpecahan setelah menikmati kemerdekaan lebih 30 tahun. Bibit kepada perpecahan orang Melayu semakin dirasakan selepas Pilihan Raya Umum ke-7 dan Perhimpunan Agung UMNO ke 37 yang menyaksikan UMNO berpecah kepada dua kelompok. Perpecahan ini dianggap sebagai satu bencana kepada orang Melayu. Orang Melayu dilihat sebagai mula lupa kepada perjuangan asal dan menyertai politik hanya untuk merebut kekayaan untuk diri sendiri dan bersifat materialistik.

Kita harus berani mengaku bahawa apa yang telah menimpa UMNO dari saat ia berpecah kepada dua puak yang bermusuhan semasa pemilihan parti yang lalu hingga ia diisytiharkan tidak sah itu suatu bencana. Tidak lebih dan tidak kurang daripada itu. Ayat 6: 65 (Al-Quran) di atas sangat tepat. Ia menerangkan bahawa UMNO sedang menderita keganasan faham kepuakan dalam batang tubuhnya sendiri. Ia merupakan undang-undang objektif Ilahi yang tidak boleh dielak oleh



# KEJATUHAN KUASA POLITIK MELAYU

Pasca pilihan raya umum ke-15 (PRU-15) orang Melayu berada di titik yang paling bawah dalam sejarah politik Malaysia apabila mereka tidak lagi menguasai Kerajaan secara hegemoni. Tiada parti Melayu berada dalam kerajaan yang berkuasa seperti yang pernah dinikmati oleh UMNO selama lebih enam dekad. Hal ini menjadikan orang Melayu berada di persimpangan dan dilema sama ada mereka sebenarnya telah kehilangan kuasa politik atau masih berkuasa.

Realiti politik sebenar menunjukkan bahawa orang Melayu sebenarnya telah kehilangan kuasa politik mereka selepas mempertahankannya selama lebih enam dekad di bawah penguasaan UMNO sebagai parti Melayu. Namun, segelintir pemimpin Melayu cuba menafikan bahawa orang Melayu telah kehilangan kuasa politik mereka dengan alasan kedudukan Raja-raja Melayu masih utuh dan kedudukan istimewa orang Melayu di dalam perlembagaan masih terjamin.

Buku ini menyanggah pandangan tersebut dengan menghujahkan bahawa kuasa politik sebenarnya tertumpu kepada penguasaan orang Melayu dalam parti, parlimen dan kerajaan. Orang Melayu terhalusnasi dengan bayangan kuasa dan percaya bahawa mereka masih berkuasa kerana kedudukan Raja-raja Melayu dan peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu dalam perlembagaan walaupun ia sebenarnya adalah prestij dan hak, bukan kuasa politik.

Dalam sistem demokrasi, kuasa politik tertakluk kepada penguasaan majoriti dalam parlimen. Perpecahan orang Melayu kepada beberapa parti menjadikan mereka terdedah kepada persaingan politik yang sengit antara bukan Melayu dan blok politik Borneo dari Sabah dan Sarawak untuk merebut kuasa politik.

Buku ini akan membawa pembaca menyelusuri sejarah perjuangan bangsa Melayu yang panjang dalam mempertahankan kuasa politik mereka dan bibit-bibit kejatuhan kuasa politik Melayu.

**ilhambooks**

[www.ilhambooks.com](http://www.ilhambooks.com)



9 789670 067209